

# 83 bahagian calonkan Dr Mahathir

BH 25 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Lebih separuh daripada 165 bahagian Umno yang berme-syuarat, termasuk empat hari ini, mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mempertahankan jawatan presiden parti pada pemilihan Mei ini.

Perdana Menteri menda-pat 83 pencalonan hari ini termasuk dari Umno Bahagian Kuala Kedah (Kedah), Pasir Mas (Kelantan) serta Kuala Terengganu dan Marang (Terengganu).

Timbalan Perdana Men-teri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula mem-perolehi tiga lagi pencalonan untuk jawatan timbalan pre-siden, menjadikan jumlah pencalonan yang diperolehi setakat ini 82.

Bahagian Pasir Mas tidak mencalonkan Abdullah, se-baliknya memilih Pengeru-si Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan tim-balan dan naib presiden.

Bagi jawatan naib presi-den, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak kini mendapat 79 pencalo-nan, termasuk tiga hari ini dari bahagian Kuala Ke-dah, Kuala Terengganu dan Marang.

Menteri Besar Johor, Da-tuk Abdul Ghani Othman pula mendapat 46 pencalo-nan; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (35) dan Ketua Men-teri Sahah, Datuk Seri Osu Sukam (22).

Menteri Luar, Datuk Seri Abdul Hamid Albar yang mendapat dua pencalonan hari ini mengumpul 15 pen-calonan; Menteri Besar Ne-geri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (16), Naib Presi-den Umno, Tan Sri Muham-mad Muhd Taib (14); Men-teri di Jabatan Perdana Men-teri, Datuk Dr Rais Yatim (10).

Menteri Perdagangan Da-lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyid-din Yassin pula kini menda-pat sembilan pencalonan, Tengku Razaleigh (3) mana-kala Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli

Ghazali, yang mengumum-kan tiga bertanding kekal dua pencalonan.

Bagi jawatan Ketua Pem-uda, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, terus mendapat so-kongan apabila memperolehi sembilan pencalonan hari ini.

Pemangku Ketua Pemuda itu kini mendapat 124 pen-calonan, manakala Ketua Pemuda Bahagian Tanjong, Raja Munir Shah Raja Mu-stapha, yang turut menawar-kan diri kekal satu pencalo-nan.

Bagi jawatan Naib Ketua, Pengerusi Jawatankuasa Pe-ngurusan dan Disiplin Pem-uda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir mendapat 96 penca-lonan, termasuk enam hari ini.

Pengerusi Majlis Latihan dan Kemahasiswaan Pem-uda, Zein Ismail Ismail, pula mendapat 23 pencalonan; Ketua Pemuda Pahang, Mus-tafa Khalid (6) dan Ketua Pemuda Perlis, Zahidi Zainul Abidin (1).

Bagi jawatan Ketua Wa-nita, Menteri Perdagangan Antarahangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, mendapat empat lagi penca-lonan dari bahagian Setiu dan Kuala Nerus (Terengganu) Langkawi (Kedah) dan Kota Bharu (Kelantan).

Rafidah kini memperole-hi 70 pencalonan manakala Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mendapat 49, termasuk enam hari ini dari bahagi-an Pasir Puteh (Kelantan), Baling, Jerlun dan Kubang Pasu (Kedah) serta Besut dan Hulu Terengganu (Tereng-ganu).

Timbalan Menteri di Jaba-tan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula kini mendapat 71 pencalo-nan, termasuk lima hari ini dari bahagian Setiu, Besut, Langkawi, Kuala Nerus dan Kota Bharu.

Ketua Wanita Perak, Ain-on Khariyah Mohd Abas, kini mendapat 34 pencalo-nan, termasuk tiga hari ini manakala penyandang jawa-tan, Datuk Napsiah Omar